



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : prot@kpkt.gov.my

(25) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 28

24 November 2009

-SIARAN AKHBAR-

**BENKEL PEMAHAMAN AKTA PEMBERI PINJAM WANG
1951 DAN PENGENALAN KEPADA PORTAL ELECTRONIC
MONEYLENDER & pawnbroker system (e-MAPS)**

Kuala Lumpur, 24 November 2009 – Bengkel Pemahaman Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan Akta Pemegang Pajak gadai 1972 dan Pengenalan kepada Portal eMAPS kepada pemegang lesen Pemberi Pinjam Wang dengan kerjasama Persatuan Pemberi Pinjam Wang Malaysia dan juga Persatuan Pemegang Pajak Gadai Malaysia akan dirasmikan oleh YB. Datuk Seri Kong Cho Ha, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan pemantauan ke atas Pemberi Pinjam Wang berlesen, Seksyen Penguatkuasa Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak gadai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membuat pemeriksaan ke atas premis Pemberi Pinjam Wang

dan Pajak Gadai berlesen secara rambang.

Objektif bengkel yang diadakan ini adalah bertujuan untuk memberi penerangan bagi meningkatkan pemahaman pemegang lesen berhubung peruntukan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951;

Kedua, memberi kesedaran kepada Pemegang Lesen Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai tentang ciri-ciri dan fungsi Portal eMAPS;

Ketiga, meningkatkan interaksi antara Kementerian dengan semua pemegang lesen bagi faedah pembangunan industri Pemberi Pinjam Wang.

Bengkel ini dijalankan selama satu hari melibatkan peserta seramai 500 orang pemegang lesen Pemberi Pinjam Wang. Mereka akan didedahkan dan diberi penerangan tentang peruntukan akta dan undang-undang yang perlu dipatuhi oleh setiap Pemberi Pinjam Wang.

Selain daripada itu peserta juga akan diberi kefahaman berkaitan tatacara penggunaan Portal eMAPS bagi pelbagai permohonan yang boleh dikemukakan melalui portal disamping perbincangan dan sesi soal jawab bagi mendapatkan input dan pandangan serta masalah yang dihadapi oleh Pemberi Pinjam Wang dalam proses penggunaan portal dan pemahaman

terhadap undang-undang dalam proses urusniaga.

Bengkel ini juga akan menjadi satu platform kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mendapatkan maklumbalas secara langsung daripada stakeholdres.

Melalui pemantauan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dari Januari hingga Julai 2009, sebanyak 346 premis Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak gadai telah diperiksa dan mendapati sebanyak 189 Pemberi Pinjam Wang (54.6%) telah melanggar pelbagai seksyen dalam akta dan peraturan yang ditetapkan. Manakala dua premis (4%), Pemegang Pajak gadai telah didapati melanggar dan tidak mematuhi pelbagai seksyen akta dan peraturan.

Bagi jenis kesalahan yang dilakukan oleh Pemberi Pinjam Wang berlesen pula mendapati (31%) adalah berkaitan dengan perjanjian yang tidak lengkap/disetem, (29%) berkaitan penggunaan borang yang salah, (16%) tidak mempunyai akaun lazim serta 11.3% kesalahan tidak mempamerkan lesen. Berdasarkan kepada fakta tersebut jelas menunjukkan bahawa rata-rata pemegang Pemberi Pinjam Wang masih tidak memahami sepenuhnya keperluan Akta 400 dan peraturan di bawahnya.

Bengkel satu hari berkaitan dengan Pemahaman Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 ini akan adakan di **Matrade Hall, Tingkat 3, MECC, Menara Matrade, Kuala Lumpur** dan akan disampurnakan perasmiannya oleh **YB. Dato' Seri Kong Cho Ha, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my; Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my